

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

RAE 531 Kritikan Seni Bina

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Tiap-tiap soalan mengandungi 25 markah.

1. Apakah peranan arkitek di dalam rancangan perumahan negara khususnya daripada segi sumbangan kemahiran terhadap masalah perumahan yang dihadapi pada masa sekarang berjaya?

Berpandukan kepada sebuah rancangan perumahan yang telahpun didiami di sebarang lokasi di Malaysia, bincangkan faktor-faktor seperti kos, sosial, kebudayaan, kualiti (estetik dan fungsi) dan penyelesaian alam bina berpandukan kepada keadaan sebenar.

(25 markah)

2. Tujuan permuliharaan bangunan bersejarah adalah untuk mengekalkan nilai kebudayaan, pendidikan seni bina, arkeologi, patriotik, mengekalkan keadaan setempat dan mengenang kembali peninggalan sejarah.

Sebelum itu perlulah diingatkan bahawa bangunan bersejarah adalah seperti organisma - setiap bahagian yang dicemari akan mengakibatkan terjejasnya bahagian lain.

Beri pendapat anda sebagai pengkritik terhadap bangunan bersejarah di negara kita berdasarkan kepada faktor-faktor seperti ekonomi, peraturan bangunan bersejarah, penggunaan semula 'adaptive use', teknologi permuliharaan dan alam bina.

(25 markah)

...2/-

3. Setelah mengikuti seminar Pendidikan Seni bina yang bertajuk - Dahulu, Kini dan Kemana anjuran Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia, - apakah pendapat anda dengan pernyataan berikut. 'Pendidikan Seni bina di Malaysia hanya menitikberatkan kepada latihan vokasyenal dan juga kehendak badan-badan tertentu di dalam profesion seni bina'.

Adakah latihan yang anda perolehi sekarang 'tepat' dengan pernyataan di atas? Bincangkan.

(25 markah)

4. Rekabentuk seni bina merupakan kombinasi seni reka estetik dan seni reka berfungsi.

Untuk menghasilkan rekabentuk yang baik beberapa faktor seperti:-

- o manusia
- o alam semulajadi
- o elemen fizikal seni bina dan sebagainya yang dititikberatkan demi untuk memberi kepuasan fisiologi dan psikologi kepada manusia.

Bincangkan tajuk di atas.

(25 markah)

5. Kehadiran Mies Van der Rone, Walter Gropius dan Marcel Breuer di Amerika Syarikat membuka satu era baru di dalam seni bina moden.

Apakah faktor-faktor yang mendorong perkembangan ini baik daripada segi gaya, bentuk dan ideologi seni bina yang meresap dikalangan arkitek masakini sama ada secara langsung atau sebaliknya.

Perbincangan ini boleh juga ditunjukkan kepada arkitek-arkitek di dalam generasi kedua (misalnya - Kevin Roche, Paul Raudolph, P.Johnson) atau ketiga (misalnya - Robert Venturi, Charles Moore) dan huraikan pengaruh mereka (Mies, Gropius) di dalam hasil kerja masing-masing.

(25 markah)